

29/05/2003

Pembangunan Pulau Pinang perlu seimbang: Profesor

GEORGETOWN: Pihak terbabit dalam penyediaan kemudahan perumahan di negeri ini tidak sepatutnya menuding jari kepada pihak lain atau mengemukakan pelbagai alasan berikutan teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru

ini bahawa wujud ketidakseimbangan dalam pembangunan kemudahan itu.

Sebaliknya, pihak yang berkaitan sama ada kerajaan negeri mahupun pemaju

hartanah perlu menerima teguran Perdana Menteri itu secara positif dan berusaha dengan serius bagi mengatasi sebarang ketidakseimbangan yang berlaku.

Profesor Ekonomi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Amir Hussin Baharuddin, berkata oleh kerana soal tanah terletak di bawah bidang kuasa

kerajaan negeri, maka ia menjadi tanggungjawab pihak berkuasa itu untuk memastikan pembangunan seimbang di sesuatu kawasan.

Katanya, penduduk pastinya tidak menolak pembangunan yang dicadangkan di

kawasan mereka, jika dimaklumkan dengan jelas serta membabitkan mereka secara langsung dalam perbincangan mengenai cadangan sebarang projek.

Beliau berkata, penduduk terbabit juga perlu diberi pampasan sewajar dan

keutamaan untuk membeli unit rumah yang akan dibina di kawasan berkenaan pada harga berpatutan.

"Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkaitan ialah

penduduk yang terbabit tidak sepatutnya dipindahkan ke tempat berasingan hingga menyebabkan mereka terpisah dengan jiran dan saudara mara,"

katanya

sambil menambah kes berkenaan pernah berlaku kepada penduduk yang dipindahkan dari sebuah kampung di Tanjung Tokong, tidak lama dulu.

Amir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Menteri, Tan Sri

Dr Koh Tsu Koon, Isnin lalu yang menyalahkan Perbadanan Pembangunan Bandar

(UDA) atas kewujudan penempatan daif di Tanjung Tokong.